**KENYATAAN MEDIA**
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
**NEGERI SABAH**

---

## A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di Negeri Sabah pada hari ini adalah sebanyak 673 kes. Bilangan kematian adalah 3 orang. Jumlah kumulatif kes COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 8,755 kes. Sehingga hari ini, seramai 3,223 pesakit dilaporkan telah sembuh. Manakala, seramai 5,466 pesakit sedang menerima rawatan dalam wad di seluruh Sabah.

2 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:




| DAERAH | POSITIF | KEMATIAN |
|---|---|---|
| KOTA KINABALU | 289 | 1 |
| TAWAU | 130 | 2 |
| SEMPORNA | 63 | 0 |
| SANDAKAN | 52 | 0 |
| LAHAD DATU | 28 | 0 |
| KUNAK | 24 | 0 |
| KUDAT | 15 | 0 |
| KOTA BELUD | 10 | 0 |
| PUTATAN | 9 | 0 |
| PAPAR | 9 | 0 |
| RANAU | 8 | 0 |
| BEAUFORT | 8 | 0 |
| TUARAN | 7 | 0 |
| PENAMPANG | 7 | 0 |
| TAMBUNAN | 4 | 0 |
| KENINGAU | 3 | 0 |
| KINABATANGAN | 3 | 0 |
| KUALA PENYU | 1 | 0 |
| SIPITANG | 1 | 0 |
| KOTA MARUDU | 1 | 0 |
| TELUPID | 1 | 0 |
| PITAS | 0 | 0 |
| TENOM | 0 | 0 |
| BELURAN | 0 | 0 |
| NABAWAN | 0 | 0 |
| TONGOD | 0 | 0 |
| JUMLAH | 673 KES | 3 KES |

Hari ini tidak ada penambahan bilangan zon merah.

## B. PERINCIAN SOP BAGI AKTIVITI-AKTIVITI PERTANIAN DAN PERIKANAN

1 Bagi memastikan aktiviti **pertanian dan perikanan** berterusan dan berjalan dengan teratur, perincian SOP di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Perikanan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

2 Manakala perincian SOP bagi aktiviti-aktiviti **perkilangan dan pembuatan** di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Perindustrian adalah seperti di **LAMPIRAN B.**

3 Perincian SOP **Pengurusan Sumbangan dan Bantuan** daripada badan-badan bukan kerajaan (NGO), syarikat swasta, pemimpin masyarakat dan orang perseorangan adalah seperti di **LAMPIRAN C.**

4 Kerajaan Negeri menyeru supaya semua perincian SOP dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat sebagai usaha kita untuk membendung penularan COVID-19 di negeri Sabah.

## C. SEKATAN JALAN RAYA

Polis Diraja Malaysia akan memperketatkan Sekatan Jalan Raya (SJR) dan pemeriksaan kenderaan selaras dengan pelaksanaan PKPB di semua daerah di Sabah.

## D. KERJA-KERJA DISINFEKSI

1 Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan kerja-kerja disinfeksi setiap hari terutama di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai. Pada Hari ini, disinfeksi sebanyak 88 kawasan telah dilakukan di kawasan-kawasan awam seperti pasar-pasar awam, bangunan kerajaan, premis-premis perniagaan, taman awam, taman permainan, kawasan tamu, kawasan letak kereta, surau, bangunan/kawasan di bawah kawalan Majlis Daerah, tandas-tandas awam, dewan masyarakat, terminal, jeti, gerai makan dan kawasan-kawasan berisiko yang menjadi tumpuan awam.

2 Pihak Berkuasa Tempatan yang melaksanakan disinfeksi pada hari ini adalah Majlis Perbandaran Sandakan, Majlis Daerah Pitas, Tuaran, Penampang, Putatan, Tenom, Keningau, Tambunan, Sipitang, Beaufort, Papar, Beluran, Kinabatangan, Kunak, Semporna, Lahad Datu dan Lembaga Bandaran Kudat.

## E. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar sedang berjalan lancar. Sehingga hari ini, **62,002** bakul makanan telah diagihkan.

Bagi membendung penularan COVID-19 di negeri ini, semua masyarakat digesa untuk sentiasa patuh kepada SOP PKPB yang sedang dilaksanakan di seluruh negeri ini termasuklah memastikan jarak fizikal dipatuhi setiap masa, pemakaian pelitup muka dan *hand sanitiser* serta kerap mencuci tangan. Kerjasama semua pihak adalah penting untuk mengekang penularan dan melandaikan lekuk jangkitan COVID-19 di Sabah.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe**
**#workfromhome**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
20 Oktober 2020

LAMPIRAN A

# SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

| SEKTOR | AKTIVITI/ PERNIAGAAN | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| Pertanian & Perladangan | Perladangan getah, koko dan kelapa sawit<br><br>**Kapasiti Pekerja:**<br><br>1 – 5 orang pekerja: 100%<br><br>6 – 9 orang pekerja: Maksimum 5 orang pekerja sahaja<br><br>10 dan ke atas pekerja: 50% | Waktu Operasi<br>------------<br>6.00 pagi – 6.00 petang | 1. Protokol Pencegahan Penyakit & Sekatan | Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). | Pertanian & Perladangan<br>----------------<br>▪ Hari Bertemu Pelanggan<br>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)<br>▪ Pesta Makan Buah-Buahan<br>▪ Kursus/Seminar<br>▪ Konvokesyen Institut Pertanian<br>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya |
| | | | 2. Saringan Kesihatan & Pemakaian Pelitup muka | **(i) Pemeriksaan dan Pemantauan Kesihatan Sebelum Operasi:**<br><br>a. Semua pekerja adalah tertakluk kepada pemeriksaan kesihatan sebelum memasuki kawasan operasi dengan menggunakan *non-contact thermometer* dan pemeriksaan bagi simptom-simptom COVID-19;<br><br>b. Maklumat mengenai tahap kesihatan pekerja hendaklah direkodkan dan disimpan oleh pemilik ladang/pekebun kecil;<br><br>c. Semua pekerja hendaklah sentiasa mengekalkan kebersihan diri dan mengamalkan penjarakan fizikal dengan mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter dengan pekerja yang lain;<br><br>d. Pekerja dan pelanggan diwajibkan memakai pelitup muka. | |

1

# SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

| SEKTOR | AKTIVITI/ PERNIAGAAN | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI – TINDAKAN | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI – PENERANGAN RINGKAS | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| Pertanian & Perladangan | Perladangan getah, koko dan kelapa sawit<br><br>**Kapasiti Pekerja:**<br><br>1 – 5 orang pekerja: 100%<br><br>6 – 9 orang pekerja: Maksimum 5 orang sahaja<br><br>10 dan ke atas pekerja: 50% | **Waktu Operasi**<br>------------<br>6.00 pagi – 6.00 petang | 2. Saringan Kesihatan (Sambungan) | e. Mana-mana pekerja yang telah dikenalpasti menunjukkan simptom-simptom COVID-19 hendaklah mendapatkan rawatan perubatan dengan kadar segera dan tindakan kuarantin perlu diambil. Justeru, pemilik ladang/pekebun kecil perlu menyediakan tempat kuarantin yang bersesuaian sekiranya kejadian ini berlaku.<br><br>**(ii) Tindakan Pencegahan Semasa Operasi**<br><br>a. Pengangkutan pekerja ke tempat operasi dalam kumpulan besar adalah tidak dibenarkan. Pemilik ladang/pekebun kecil perlu meminimumkan bilangan pekerja yang perlu melaksanakan operasi bagi mengurangkan risiko jangkitan dalam kalangan pekerja.<br><br>b. Semua pekerja hendaklah sentiasa mengekalkan kebersihan diri dan mengamalkan penjarakan fizikal dengan mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter antara seorang pekerja dengan pekerja lain sepanjang tempoh operasi. | Pertanian & Perladangan<br>----------------<br>▪ Hari Bertemu Pelanggan<br>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)<br>▪ Pesta Makan Buah-Buahan<br>▪ Kursus/Seminar<br>▪ Konvokesyen Institut Pertanian<br>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya<br><br>2 |

# SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

| SEKTOR | AKTIVITI/ PERNIAGAAN | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| Pertanian & Perladangan (samb.) | Perladangan getah, koko dan kelapa sawit<br><br>**Kapasiti Pekerja:**<br><br>1 – 5 orang pekerja: 100%<br><br>6 – 9 orang pekerja: Maksimum 5 orang sahaja<br><br>10 dan ke atas pekerja: 50% | **Waktu Operasi**<br>------------<br>6.00 pagi – 6.00 petang | 2. Saringan Kesihatan (Sambungan) | c. Pemilik ladang/pekebun kecil perlu melaksanakan proses disinfeksi secara berkala di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan pekerja.<br><br>**iii. Pemeriksaan Kesihatan ke atas Pelawat/Pembekal**<br><br>a. Pelawat dan pembekal yang memasuki kawasan operasi perlu dihadkan dan mereka hanya dibenarkan memasuki kawasan operasi bagi tujuan yang perlu sahaja;<br><br>b. Tahap kesihatan semua pelawat dan pembekal hendaklah diperiksa dengan menggunakan *non-contact thermometer* dan diperiksa bagi simptom-simptom COVID-19; dan<br><br>c. Mana-mana pelawat dan pembekal yang telah dikenalpasti menunjukkan simptom-simptom COVID-19 tidak dibenarkan memasuki ke kawasan operasi | Pertanian dan Perladangan<br>--------------------<br>▪ Hari Bertemu Pelanggan<br>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)<br>▪ Pesta Makan Buah-Buahan<br>▪ Kursus/Seminar<br>▪ Konvokesyen Institut Pertanian<br>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya |

3

# SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

| SEKTOR | AKTIVITI/ PERNIAGAAN | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| Pertanian & Perladangan (Samb.) | Perladangan getah, koko dan kelapa sawit<br><br>**Kapasiti Pekerja:**<br><br>1 – 5 orang pekerja: 100%<br><br>6 – 9 orang pekerja: Maksimum 5 orang sahaja<br><br>10 dan ke atas pekerja: 50% | **Waktu Operasi**<br>------------<br>6.00 pagi – 6.00 petang | 3. Laporan Kesihatan (di premis dan penginapan pekerja yang disediakan syarikat) | a. Laporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja melebihi 5% daripada jumlah bilangan pekerja kerana demam atau bersimptom.<br><br>b. Pekerja yang mempunyai suhu badan 37.5° Celsius ke atas atau menunjukkan sebarang symptom hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan;<br><br>c. Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis syarikat. | Pertanian dan Perladangan<br>--------------------<br>▪ Hari Bertemu Pelanggan<br>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)<br>▪ Pesta Makan Buah-Buahan<br>▪ Kursus/Seminar<br>▪ Konvokesyen Institut Pertanian<br>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya |

4

# SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

| SEKTOR | AKTIVITI/ PERNIAGAAN | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | **TINDAKAN** | **PENERANGAN RINGKAS** | |
| Penternakan | Penternakan<br><br>**Kapasiti Pekerja:**<br><br>1 – 5 orang pekerja: 100%<br><br>6 – 9 orang pekerja: Maksimum 5 orang sahaja<br><br>10 dan ke atas pekerja: 50% | **Waktu Operasi**<br>------------<br>6.00 pagi – 6.00 petang | Penjarakan Fizikal | Memastikan penjarakan fizikal 1 meter semasa pembelian dan menghadkan bilangan pelanggan bergantung kepada keluasan ruang | Pertanian dan Perladangan<br>-------------------<br>▪ Hari Bertemu Pelanggan<br>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)<br>▪ Pesta Makan Buah-Buahan<br>▪ Kursus/Seminar<br>▪ Konvokesyen Institut Pertanian<br>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya |
| | | | Penggunaan *hand sanitizer* | Mewajibkan penggunaan *hand sanitizer* atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun | |
| | | | Pengambilan suhu badan dan pemakaian pelitup/ topeng muka | Mengambil dan merekod suhu badan pekerja pada awal waktu bekerja dan mewajibkan pemakaian pelitup/topeng muka kepada pekerja. | |
| | | | Pembersihan dan sanitasi | Menggunakan cecair pencuci yang sesuai | |
| | | | Susun atur meja | Jarak antara meja 1 meter | |
| | | | Jarak antara pelanggan | Jarak antara pelanggan sekurang-kurangnya 1 meter | |

5

# SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

| SEKTOR | AKTIVITI/ PERNIAGAAN | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| Perikanan | Perikanan<br><br>**Kapasiti Pekerja:**<br><br>1 – 5 orang pekerja: 100%<br><br>6 – 9 orang pekerja: Maksimum 5 orang sahaja<br><br>10 dan ke atas pekerja: 50% | **Waktu Operasi**<br>------------<br>6.00 pagi – 6.00 petang<br><br>**Bot-Bot Nelayan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Sabah dalam kawasan EssZone di jeti yang dibenarkan tertakluk permit yang dikeluarkan oleh Ketua Polis daerah berkenaan**<br>---------------------<br>6.00 pagi hingga 6.00 petang | Penggunaan *hand sanitizer* | Mewajibkan penggunaan *hand sanitizer* atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun | Perikanan<br>----------------------<br>▪ Aktiviti perikanan rekreasi<br><br>▪ Pusat taman laut, pameran dan aquarium<br><br>▪ Kapal **Non-Conventional Ship (NCS)** daripada Filipina dan Indonesia bagi aktiviti **Barter Trade** & **Transhippment**. |
| | | | Pemeriksaan suhu badan dan pemakaian pelitup/topeng muka | Pemeriksaan dilaksanakan setiap hari terhadap nelayan, pekerja dan peraih dan mewajibkan pemakaian pelitup/ topeng muka kepada pekerja. | |
| | | | Pergerakan pekerja | Dari rumah ke ladang dan dari ladang untuk pengambilan makanan. | |
| | | | Sanitasi di ladang, hatcheri dan fasiliti berkaitan | Dilaksanakan setiap hari sebelum atau selepas aktiviti bermula | |
| | | | Penjarakan Fizikal di ladang | Memastikan penjarakan fizikal 1 meter semasa operasi | |

6

# SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

| SEKTOR | AKTIVITI/ PERNIAGAAN | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| Tanaman | **Tanaman**<br><br>**Kapasiti Pekerja:**<br><br>1 – 5 orang pekerja: 100%<br><br>6 – 9 orang pekerja: Maksimum 5 orang sahaja<br><br>10 dan ke atas pekerja: 50% | Waktu Operasi<br>------------<br>6.00 pagi – 6.00 petang | Penjarakan Fizikal | Memastikan penjarakan fizikal 1 meter semasa operasi | Pertanian dan Perladangan<br>--------------------<br>▪ Hari Bertemu Pelanggan<br>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)<br>▪ Pesta Makan Buah-Buahan<br>▪ Kursus/Seminar<br>▪ Konvokesyen Institut Pertanian<br>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya |
| | | | Sanitasi di ladang, nurseri dan fasiliti berkaitan | Dilaksanakan setiap hari sebelum atau selepas aktiviti bermula | |
| | | | Suhu badan dan pemakaian pelitup/ topeng muka | Mengambil dan merekod suhu badan pekerja pada awal waktu bekerja dan mewajibkan pemakaian pelitup/ topeng muka kepada pekerja | |
| | | | Penggunaan *hand sanitizer* | Mewajibkan penggunaan *hand sanitizer* atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun | |
| | | | Pembersihan dan Sanitasi | Menggunakan cecair pencuci yang sesuai, setiap hari (sebelum atau selepas operasi) di ladang/Pusat Pengumpulan/Pusat Penggredan/Pusat Pemprosesan/Pusat Penjualan | |

7

# SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

| SEKTOR | AKTIVITI/ PERNIAGAAN | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| Industri dan Perkilangan Hasil Pertanian | Industri dan Perkilangan berasaskan pertanian termasuk getah, koko dan kelapa sawit<br><br>**Kapasiti Pekerja:** 50% | **Waktu Operasi**<br>------------<br>6.00 pagi – 6.00 petang | 1. Protokol Pencegahan Penyakit & Sekatan | Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). | Pertanian & Perladangan<br>-----------------<br>▪ Hari Bertemu Pelanggan<br>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)<br>▪ Pesta Makan Buah-Buahan<br>▪ Kursus/Seminar<br>▪ Konvokesyen Institut Pertanian<br>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya |
| | | | 2. Saringan Kesihatan & Pemakaian pelitup muka | a. Menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanner*.<br><br>b. Melaksanakan saringan bagi mengesan gejala berkaitan COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau sesak nafas setiap hari;<br><br>c. Saringan perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk kilang/premis.<br><br>d. Pekerja dan pelanggan wajib memakai pelitup muka | |
| | | | 3. Laporan Kesihatan (di premis dan penginapan pekerja yang disediakan syarikat) | a. Laporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja melebihi 5% daripada jumlah bilangan pekerja kerana demam atau bersimptom.<br><br>b. Pekerja yang mempunyai suhu badan 37.5° C ke atas atau menunjukkan sebarang simptom hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan; | |

8

# SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

| SEKTOR | AKTIVITI/ PERNIAGAAN | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| Input Pertanian | Kedai input pertanian (jentera, peralatan, baja, bahan tanaman, racun rumpai/serangga, dsb)<br><br>**Kapasiti Pekerja:** 50% | Waktu Operasi<br>------------<br>6.00 pagi – 6.00 petang | 1. Mengambil dan Merekod Suhu Badan Pekerja & pemakaian pelitup muka | Mengambil dan merekod suhu badan pekerja sebelum operasi perniagaan bermula.<br><br>Pekerja dan pelanggan wajib memakai pelitup muka. | Pertanian & Perladangan -<br>----------------<br>▪ Hari Bertemu Pelanggan<br>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)<br>▪ Pesta Makan Buah-Buahan<br>▪ Kursus/Seminar<br>▪ Konvokesyen Institut Pertanian<br>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya |
| | | | 2. Kawalan Bilangan Pelanggan dan Penjarakan Fizikal | Pejarakan fizikal sekurang-kurang 1 meter.<br><br>Premis perlu mempamerkan bilangan pelanggan yang dibenarkan berada dalam premis pada satu-satu masa bagi memenuhi keperluan penjarakan sosial. | |
| | | | 3. Penggunaan *Hand Sanitiser* | Mewajibkan penggunaan *hand sanitizer* berasaskan alkohol, atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun. | |
| | | | 4. Pembersihan dan Sanitasi | Menggunakan cecair pencuci dengan kandungan *sodium hypochlorite* mengikut garis panduan KKM.<br><br>Premis hendaklah dinyahkuman setiap kali selepas masa beroperasi. | |

9

# SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

| SEKTOR | AKTIVITI/ PERNIAGAAN | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| Input Pertanian | Kedai hardware (jentera pertanian, jentera berat, enjin sangkut dan alat ganti, dsb)<br><br>**Kapasiti Pekerja:** 50% | Waktu Operasi<br>------------<br>6.00 pagi – 6.00 petang | 1. Mengambil dan Merekod Suhu Badan Pekerja & Pemakaian Pelitup Muka | Mengambil dan merekod suhu badan pekerja sebelum operasi perniagaan bermula.<br><br>Pekerja dan pelanggan wajib memakai pelitup muka. | Pertanian & Perladangan -<br>----------------<br>▪ Hari Bertemu Pelanggan<br>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)<br>▪ Pesta Makan Buah-Buahan<br>▪ Kursus/Seminar<br>▪ Konvokesyen Institut Pertanian<br>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya |
| | | | 2. Kawalan Bilangan Pelanggan dan Penjarakan Fizikal | Pejarakan fizikal sekurang-kurang 1 meter.<br><br>Premis perlu mempamerkan bilangan pelanggan yang dibenarkan berada dalam premis pada satu-satu masa bagi memenuhi keperluan penjarakan sosial. | |
| | | | 3. Penggunaan *Hand Sanitiser* | Mewajibkan penggunaan *hand sanitizer* berasaskan alkohol, atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun. | |
| | | | 4. Pembersihan dan Sanitasi | Menggunakan cecair pencuci dengan kandungan sodium hypochlorite mengikut garis panduan KKM.<br><br>Premis hendaklah dinyahkuman setiap kali selepas masa beroperasi. | |

10

# SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

| SEKTOR | AKTIVITI/ PERNIAGAAN | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| Input Pertanian | Kedai elektrikal (termasuk peralatan untuk *cold storage*, pemprosesan dan kelengkapan untuk penyimpanan, pengangkutan dan pembungkusan, dsb)<br><br>**Kapasiti Pekerja:** 50% | **Waktu Operasi**<br>------------<br>6.00 pagi – 6.00 petang | 1. Mengambil dan Merekod Suhu Badan Pekerja & Pemakaian pelitup Muka | Mengambil dan merekod suhu badan pekerja sebelum operasi perniagaan bermula.<br><br>Pekerja dan pelanggan wajib memakai pelitup muka. | Pertanian & Perladangan -<br>----------------<br>▪ Hari Bertemu Pelanggan<br>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)<br>▪ Pesta Makan Buah-Buahan<br>▪ Kursus/Seminar<br>▪ Konvokesyen Institut Pertanian<br>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya |
| | | | 2. Kawalan Bilangan Pelanggan dan Penjarakan Fizikal | Pejarakan fizikal sekurang-kurang 1 meter.<br><br>Premis perlu mempamerkan bilangan pelanggan yang dibenarkan berada dalam premis pada satu-satu masa bagi memenuhi keperluan penjarakan sosial. | |
| | | | 3. Penggunaan *Hand Sanitiser* | Mewajibkan penggunaan *hand sanitizer* berasaskan alkohol, atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun. | |
| | | | 4. Pembersihan dan Sanitasi | Menggunakan cecair pencuci dengan kandungan sodium hypochlorite mengikut garis panduan KKM.<br><br>Premis hendaklah dinyahkuman setiap kali selepas masa beroperasi. | |

12

# SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

| SEKTOR | AKTIVITI/ PERNIAGAAN | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| Pengangkutan Hasil Pertanian | Pengangkutan hasil dan produk industri pertanian (termasuk getah, koko dan kelapa sawit), penternakan dan perikanan serta input pertanian.<br><br>**Kapasiti Pekerja:** Bilangan orang dalam kenderaan bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan perdagangan | **Waktu Operasi**<br>------------<br>6.00 pagi – 6.00 petang | 1. Mengambil dan Merekod Suhu Badan Pekerja | Mengambil dan merekod suhu badan pekerja sebelum operasi perniagaan bermula. | Pertanian & Perladangan -<br>----------------<br>▪ Hari Bertemu Pelanggan<br>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)<br>▪ Pesta Makan Buah-Buahan<br>▪ Kursus/Seminar<br>▪ Konvokesyen Institut Pertanian<br>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya |
| | | | 2. Kawalan Bilangan Pelanggan dan Penjarakan Fizikal | Pejarakan fizikal sekurang-kurang 1 meter.<br><br>Premis perlu mempamerkan bilangan pelanggan yang dibenarkan berada dalam premis pada satu-satu masa bagi memenuhi keperluan penjarakan sosial. | |
| | | | 3. Penggunaan *Hand Sanitiser* | Mewajibkan penggunaan *hand sanitizer* berasaskan alkohol, atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun. | |
| | | | 4. Pembersihan dan Sanitasi | Menggunakan cecair pencuci dengan kandungan *sodium hypochlorite* mengikut garis panduan KKM.<br><br>Premis hendaklah dinyahkuman setiap kali selepas masa beroperasi. | |

13

# SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

| SEKTOR | AKTIVITI/ PERNIAGAAN | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| Pemasaran Hasil Pertanian | Pemasaran tempatan hasil dan produk industri pertanian (termasuk getah, koko dan kelapa sawit), penternakan dan perikanan serta input pertanian<br><br>**Kapasiti Pekerja:** 50% | **Waktu Operasi**<br>------------<br>Mengikut tempoh operasi yang ditetapkan oleh PBT | 1. Mengambil dan Merekod Suhu Badan Pekerja & Pemakaian pelitup muka | Mengambil dan merekod suhu badan pekerja sebelum operasi perniagaan bermula.<br><br>Pekerja dan pelanggan wajib memakai pelitup muka | Pertanian & Perladangan -<br>----------------<br>▪ Hari Bertemu Pelanggan<br>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)<br>▪ Pesta Makan Buah-Buahan<br>▪ Kursus/Seminar<br>▪ Konvokesyen Institut Pertanian<br>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya<br><br>**Pasar malam, pasar tamu dan pasar tani** |
| | | | 2. Kawalan Bilangan Pelanggan dan Penjarakan Fizikal | Pejarakan fizikal sekurang-kurang 1 meter.<br><br>Premis perlu mempamerkan bilangan pelanggan yang dibenarkan berada dalam premis pada satu-satu masa bagi memenuhi keperluan penjarakan sosial. | |
| | | | 3. Penggunaan *Hand Sanitiser* | Mewajibkan penggunaan *hand sanitizer* berasaskan alkohol, atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun. | |
| | | | 4. Pembersihan dan Sanitasi | Menggunakan cecair pencuci dengan kandungan *sodium hypochlorite* mengikut garis panduan KKM.<br><br>Premis hendaklah dinyahkuman setiap kali selepas masa beroperasi. | |

# SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

| SEKTOR | AKTIVITI/ PERNIAGAAN | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| Eksport & Import Hasil Pertanian | Eksport dan Import hasil dan produk industri pertanian (termasuk getah, koko dan kelapa sawit, perikanan), penternakan dan perikanan serta input pertanian<br><br>**Kapasiti Pekerja:** 50% | **Waktu Operasi**<br>------------<br>6.00 pagi – 6.00 petang | 1. Mengambil dan Merekod Suhu Badan Pekerja & Pemakaian Pelitup muka | Mengambil dan merekod suhu badan pekerja sebelum operasi perniagaan bermula.<br><br>Pekerja dan pelanggan wajib memakai pelitup muka. | Pertanian & Perladangan -<br>----------------<br>▪ Hari Bertemu Pelanggan<br>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)<br>▪ Pesta Makan Buah-Buahan<br>▪ Kursus/Seminar<br>▪ Konvokesyen Institut Pertanian<br>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya |
| | | | 2. Kawalan Bilangan Pelanggan dan Penjarakan Fizikal | Pejarakan fizikal sekurang-kurang 1 meter.<br><br>Premis perlu mempamerkan bilangan pelanggan yang dibenarkan berada dalam premis pada satu-satu masa bagi memenuhi keperluan penjarakan sosial. | |
| | | | 3. Penggunaan *Hand Sanitiser* | Mewajibkan penggunaan *hand sanitizer* berasaskan alkohol, atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun. | |
| | | | 4. Pembersihan dan Sanitasi | Menggunakan cecair pencuci dengan kandungan *sodium hypochlorite* mengikut garis panduan KKM.<br><br>Premis hendaklah dinyahkuman setiap kali selepas masa beroperasi. | |

# SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN

| SEKTOR | AKTIVITI/ PERNIAGAAN | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TERPERINCI | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| Pembangunan Modal Insan Sektor Pertanian | Pusat dan Institut Latihan Pertanian, Haiwan dan Perikanan<br><br>**Kapasiti Pekerja:** 50% | Tidak Berkaitan | **Latihan dan kursus dibenarkan secara atas talian sahaja**<br><br>Bagi institusi latihan yang ada asrama, pelatih-pelatih sedia ada tidak dibenarkan balik kampung sepanjang tempoh PKPD | | Pertanian dan Perladangan<br>--------------------<br>▪ Hari Bertemu Pelanggan<br>▪ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)<br>▪ Pesta Makan Buah-Buahan<br>▪ Kursus/Seminar<br>▪ Konvokesyen Institut Pertanian<br>▪ Lelongan Jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya |

16

# STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) DI NEGERI SABAH YANG DIWAJIBKAN UNTUK SEMUA SEKTOR PERKILANGAN DAN PEMBUATAN BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BERKUATKUASA PADA 16 OKTOBER 2020

| BIL. | SEKTOR PERKILANGAN & PEMBUATAN | BILANGAN PEKERJA | WAKTU OPERASI | KEBENARAN BERNIAGA | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
| | Kawasan terlibat | Seluruh Negeri Sabah KECUALI di lokaliti-lokaliti/kawasan yang dikenakan arahan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) | | | | |
| | Aktiviti yang dibenarkan | Semua kegiatan/aktiviti perkilangan di Negeri Sabah. | | | | |
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7. | Food Industry<br>Beverage Industry<br>Oil & Gas Industry<br>Biomass Industry<br>Chemical & Chemical Products<br>Crude Palm Oil (CPO) Industry<br>Palm Oil Refinery & Downstream Industry | 50% kapasiti tenaga kerja | 6.00 pagi hingga 6.00 petang | Mempunyai lesen FML atau SGA, dan lesen berniaga daripada PBT termasuk industri kecil dan sederhana (IKS) | 1. Pembersihan Premis Sebelum Mula Operasi | 1. Sebelum memulakan operasi kilang, premis kilang tersebut hendaklah dibersihkan dan disinfeksikan. |
| | | | | | 2. Melantik Penyelaras Yang Terlatih | 2. Majikan hendaklah melantik seorang pegawai syarikat sebagai Penyelaras yang telah dilatih dan mempunyai pengetahuan tentang prosedur kerja selamat berkaitan COVID-19. Penyelaras tersebut bertanggungjawab untuk memastikan pekerja mematuhi SOP, dan melaporkan status pematuhan program kawalan risiko COVID-19 kepada pihak berkuasa jika diperlukan. |
| | | | | | 3. Penyediaan *Hand Sanitizer* | 3. Majikan hendaklah menyediakan *hand sanitizer* di pintu masuk, semua kawasan umum dan tempat- tempat lain di dalam kilang/premis. |

# STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) DI NEGERI SABAH YANG DIWAJIBKAN UNTUK SEMUA SEKTOR PERKILANGAN DAN PEMBUATAN BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BERKUATKUASA PADA 16 OKTOBER 2020

| BIL. | SEKTOR PERKILANGAN & PEMBUATAN | BILANGAN PEKERJA | WAKTU OPERASI | KEBENARAN BERNIAGA | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
| 8. | Furniture & Fixtures Industries | 50% kapasiti tenaga kerja | 6.00 pagi hingga 6.00 petang | Mempunyai lesen FML atau SGA, dan lesen berniaga daripada PBT termasuk industri kecil dan sederhana (IKS) | 4. *Swab Test* Pekerja Warga Asing | 4. Majikan yang menggaji pekerja warga asing diwajibkan untuk melakukan *swab test* kepada setiap pekerja tersebut, dan semua kos hendaklah ditanggung oleh majikan. Hanya selepas keputusan *swab test* diterima negatif barulah pekerja dibenarkan bekerja. Jika ada pekerja warga asing yang menerima keputusan *swab test* sebagai positif COVID-19, maka pekerja tersebut hendaklah dirujuk kepada Pejabat Kesihatan yang berhampiran. |
| 9. | Rubber & Rubber Products Industry | | | | | |
| 10. | Plastics Industry | | | | | |
| 11. | Wood & Wood Products Industry | | | | | |
| 12. | Cement & Concrete Industry | | | | | |
| 13. | Paint & Coating Industry | | | | 5. Sanitasi Pembasmian Kuman di Kilang | 5. Majikan hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di premis kilang setiap kali sebelum syif atau operasi kilang bermula. |
| 14. | Fertilizer Industry | | | | | |
| 15. | Automotive Industry | | | | 6. Sanitasi Pembasmian Kuman di Kawasan Umum, Kilang | 6. Proses sanitasi dan pembersihan perlu dilaksanakan tiga (3) kali sehari terutamanya di kawasan umum (common space) seperti lobi, lif, kafeteria, bilik mesyuarat, surau, bas/pengangkutan pekerja, pusat rekreasi tertutup, tandas dan tempat pembuangan sampah / tong sampah. |
| 16. | Machinery & Equipments Industry | | | | | |

# STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) DI NEGERI SABAH YANG DIWAJIBKAN UNTUK SEMUA SEKTOR PERKILANGAN DAN PEMBUATAN BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BERKUATKUASA PADA 16 OKTOBER 2020

| BIL. | SEKTOR PERKILANGAN & PEMBUATAN | BILANGAN PEKERJA | WAKTU OPERASI | KEBENARAN BERNIAGA | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
| 17.<br>18.<br>19.<br>20.<br>21.<br>22.<br>23. | Ship Building & Repair Industry<br>Transport Equipment<br>Basic & Fabricated Metal Industry<br>Electrical & Electronics Industry<br>Packaging Industry (Paper)<br>Packaging Industry (Plastic)<br>Glass & Glass-Based Industry | 50% kapasiti tenaga kerja | 6.00 pagi hingga 6.00 petang | Mempunyai lesen FML atau SGA, dan lesen berniaga daripada PBT termasuk industri kecil dan sederhana (IKS) | 7. Saringan Suhu Badan | 7. Semua kakitangan syarikat dan pekerja diwajibkan menjalani pemeriksaan suhu badan setiap kali mereka memasuki premis dan hendaklah direkodkan. Sekiranya suhu badan 37.5 darjah *celsius* ke atas hendaklah dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berhampiran, dan pekerja dan kakitangan tersebut tidak dibenarkan masuk ke premis. |
| | | | | | 8. Pemakaian *Face Mask* | 8. Semua kakitangan syarikat dan pekerja diwajibkan memakai *face mask* setiap masa di premis kilang. |
| | | | | | 9. Penggunaan *Hand Sanitizer* | 9. Semua kakitangan syarikat dan pekerja hendaklah kerap menggunakan hand sanitizer atau mencuci tangan dengan sabun. |

# STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) DI NEGERI SABAH YANG DIWAJIBKAN UNTUK SEMUA SEKTOR PERKILANGAN DAN PEMBUATAN BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BERKUATKUASA PADA 16 OKTOBER 2020

| BIL. | SEKTOR PERKILANGAN & PEMBUATAN | BILANGAN PEKERJA | WAKTU OPERASI | KEBENARAN BERNIAGA | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
| 24. | Non-Metallic Mineral Products Industry | 50% kapasiti tenaga kerja | 6.00 pagi hingga 6.00 petang | Mempunyai lesen FML atau SGA, dan lesen berniaga termasuk industri kecil dan sederhana (IKS) | 10. Penjarakan Sosial | 10. Penjarakan sosial hendaklah dipatuhi dan dilaksanakan di kawasan tempat bekerja, bas/pengangkutan pekerja, tandas, bilik mandi, tempat ibadat, lif, kuarters pekerja, ruang makan dan lain-lain. Majikan hendaklah meletakkan tanda penjarakan sosial di tempat-tempat tersebut. |
| 25. | Liquor Industry | | | | | |
| 26. | Garment Industry | | | | | |
| 27. | Textile & Textile Products | | | | 11. Pelaporan Simptom COVID-19 | 11. Majikan hendaklah melaporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berhampiran sekiranya terdapat 5% ketidakhadiran pekerja disebabkan demam dan mempunyai simptom COVID-19. |
| 28. | Paper, Printing & Publishing Industry | | | | | |
| 29. | Animal Feed Industry | | | | | |
| 30. | Petroleum & Petroleum Products Industry | | | | | |
| 31. | Pergudangan & Logistik | | | | | |

# STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) DI NEGERI SABAH YANG DIWAJIBKAN UNTUK SEMUA SEKTOR PERKILANGAN DAN PEMBUATAN BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BERKUATKUASA PADA 16 OKTOBER 2020

| BIL. | SEKTOR PERKILANGAN & PEMBUATAN | BILANGAN PEKERJA | WAKTU OPERASI | KEBENARAN BERNIAGA | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
| 32. | Miscellanerous Industries | 50% kapasiti tenaga kerja | 6.00 pagi hingga 6 petang | Mempunyai lesen FML atau SGA, dan lesen berniaga daripada PBT termasuk industri kecil dan sederhana (IKS) | 12. Penutupan Kilang Akibat Positif COVID-19 | 12. Jika ada seorang pekerja yang disahkan kes positif COVID-19 oleh Jabatan Kesihatan, operasi keseluruhan kilang tersebut hendaklah ditutup serta merta. Semua pekerja hendaklah menjalani kuarantin di rumah selama 14 hari, dan mana-mana juga pekerja *close contact* dengan pekerja yang disahkan positif COVID-19 hendaklah menjalani ujian *swab test*. Ujian *swab test* dan kos perubatan berkenaan akan ditanggung oleh majikan.<br><br>Majikan juga dikehendaki membayar gaji kepada semua pekerja yang akan menjalani kuarantin atas arahan Kementerian Kesihatan Malaysia. |
| 33. | Micro, Cottage Industry with less than 5 workers | 100% kapasiti tenaga kerja | | | 13. Aktiviti Terlarang | 13. Majikan dikehendaki mematuhi semua peraturan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kerajaan Negeri yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. |
| 34. | Creative industries with less than 5 workers | 100% kapasiti tenaga kerja | | | | 14. Majikan tidak dibenarkan melakukan aktiviti-aktiviti yang termasuk di dalam Senarai Aktiviti Terlarang di bawah PKPB. |

# STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) DI NEGERI SABAH YANG DIWAJIBKAN UNTUK SEMUA SEKTOR PERKILANGAN DAN PEMBUATAN BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BERKUATKUASA PADA 16 OKTOBER 2020

| BIL. | SEKTOR PERKILANGAN & PEMBUATAN | BILANGAN PEKERJA | WAKTU OPERASI | KEBENARAN BERNIAGA | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
| | | | | | | 15. Kilang yang beroperasi melebihi masa yang ditetapkan hendaklah memohon kelulusan daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah. |

**NOTA:**

**Federal Manufacturing Licence (FML)** adalah lesen yang wajib diperolehi oleh setiap syarikat perkilangan yang mempunyai modal berbayar berjumlah RM 2.5 juta dan keatas atau mempunyai pekerja sepenuh masa sebanyak 75 orang atau lebih seperti yang dikehendaki di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975. FML dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI), Kuala Lumpur.

**State Government Approval (SGA)** digunakan bagi merujuk kepada Kelulusan Kerajaan Negeri untuk Lesen Perniagaan bagi projek-projek perkilangan. Mengikut peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan negeri Sabah, semua projek perkilangan yang dikecualikan daripada Akta Penyelerasan Perindustrian, 1975 dikehendaki untuk memohon SGA sebelum projek dimulakan. Ini bermaksud syarikat-syarikat perkilangan yang mempunyai modal berbayar berjumlah kurang daripada RM 2.5 juta dan/atau mempunyai pekerja sepenuh masa kurang daripada tujuh puluh lima (75) orang adalah dikehendaki untuk mendapat SGA sebelum memulakan penubuhan projek perkilangan yang dicadangkan.

**LAMPIRAN C**

# PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN SUMBANGAN / BANTUAN DARIPADA BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO'S), SYARIKAT SWASTA, PEMIMPIN MASYARAKAT & ORANG PERSEORANGAN

**Tarikh kemaskini : 20 Oktober 2020**

| Kawasan terlibat | Tempoh kuat kuasa | Prosedur Operasi Standard (SOP) | Aktviti yang dilarang |
|---|---|---|---|
| | | Aktiviti yang dibenarkan | |
| Seluruh kawasan PKPB dan PKPD di negeri Sabah | Sepanjang tempoh pelaksanaan PKPB dan PKPD di negeri Sabah. | 1. Menghubungi Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah yang berkenaan **sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum penyampaian bantuan**, untuk memaklumkan perkara-perkara seperti yang berikut:<br>a) Jenis dan bentuk sumbangan / bantuan;<br>b) Bilangan penerima yang dicadangkan;<br>c) Lokasi pengagihan sumbangan / bantuan; dan<br>d) Jadual penghantaran sumbangan / bantuan.<br><br>2. Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah akan menyelaras pengagihan sumbangan / bantuan dengan Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Bahagian / Daerah.<br><br>3. Semasa pengagihan sumbangan / bantuan, wakil pemberi sumbangan / bantuan **WAJIB** untuk:<br>a) Memeriksa suhu badan dan pastikan tidak bergejala;<br>b) Memakai pelitup muka setiap masa;<br>c) Sentiasa menggunakan *hand- sanitizer*;<br>d) Mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter antara individu; dan<br>e) Terhad kepada dua (2) orang wakil sahaja.<br><br>4. Pengagihan sumbangan / bantuan kepada golongan sasar **WAJIB** diiringi oleh pertugas PKOB Daerah yang terdiri daripada PDRM, RELA, APM dan Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Bahagian / Daerah ke kawasan pengagihan sumbangan / bantuan. | 1. Mengagihkan sumbangan / bantuan tanpa memaklumkan PKOB Daerah yang berkenaan.<br><br>2. Memasuki kawasan-kawasan PKPD tanpa kebenaran daripada pihak berwajib.<br><br>3. Membuat program / gimik yang melibatkan orang ramai berkumpul atau berhimpun.<br><br>4. Mengagihkan sumbangan / bantuan tanpa diiringi oleh petugas PKOB Daerah atau pasukan keselamatan.<br><br>5. Mengingkari SOP-SOP yang telah dikeluarkan dan arahan daripada pihak berkuasa. |